

“NAK KE TIDAK?”

Oleh

Sinah Ak Robinson
Sekolah Kebangsaan Mubok Berawan
94700 Serian.

Abstrak

“Nak Ke Tidak?” merupakan kajian yang meneroka tentang masalah penggunaan teaching couseware dalam Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Hasil pemantauan yang dijalankan ke atas 15 buah di Daerah Serian pada awal Mac 2006 mendapati bahawa 90 peratus daripada guru-guru sekolah yang dipantau tidak mengguna teaching couseware dalam pengajaran dan pembelajaran (p & p) mereka. Hasil dapatan ini benar-benar merisaukan saya kerana saya merupakan salah seorang daripada jurulatih PPSMI peringkat negeri Sarawak. Bagi menjernihkan keadaan ini, saya mengorak langkah menjalankan kajian, bermula di sekolah tempat saya mengajar. Saya menggunakan teknik bimbingan dalam kajian ini ke atas seorang guru yang mengajar Sains dan Matematik Tahun 1 iaitu Cikgu Mawi yang menghadapi kesukaran dalam pengintegrasian teaching couseware dalam p & p beliau. Teknik bimbingan yang saya gunakan berjaya mendorong beliau menggunakan teaching couseware sehingga kini hampir setiap masa p & p Sains dan Matematik, beliau menggunakan teaching couseware. Kesungguhan Cikgu Mawi dalam usahanya memberi suntikan semangat kepada saya bahawa senario ini pasti dapat ditangani satu hari nanti.

PENGENALAN

Dunia pendidikan pada hari ini mengalami revolusi yang semakin hebat. Hakikatnya, dewasa ini ilmu pengetahuan kini tidak diberi, sebaliknya ia harus diteroka. Kenyataan tentang *ilmu pengetahuan kini tidak diberi tetapi diteroka* (Azwan & Rozita, 2002) menjadi lebih relevan dengan perubahan arus pendidikan bersesuaian dengan suasana pembelajaran era globalisasi. Pembelajaran secara penerokaan sendiri di Malaysia masih baru. Tambahan pula, ia berasaskan teknologi maklumat yang begitu pantas berubah. Penggunaan komputer sebagai alat penyebaran maklumat dan juga sebagai alat bantuan pengajaran dan pembelajaran (p & p) menjadi lebih canggih apabila diperkenalkan teknologi komunikasi yang disepadukan dengan penggunaan komputer dalam p & p. Corak p & p berpusatkan guru kini berubah kepada berpusatkan murid.

Pada tahun 2003, selari dengan dasar Kementerian Pelajaran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam dunia pendidikan, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak 5 billion ringgit untuk melaksanakan p &

p Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Peruntukan ini adalah termasuk membekalkan alat TMK seperti projektor LCD dan komputer *note book* ke sekolah (Berita Harian, 20 Julai 2002).

Justeru, sewajarnya lebih ramai tenaga pengajar di institusi pendidikan mengorak langkah untuk berubah daripada menjadi pembawa dan penyampai maklumat kepada pengurus dan pemudahcara (Gallo & Houton, 1994; Killian, 1995). Menyedari hakikat ini, maka saya cuba mengorak langkah untuk membantu guru di sekolah saya agar memberanikan diri untuk menggunakan peralatan PPSMI dan *teaching courseware*. Seajar dengan usaha ini, saya mengharapkan peranan guru sebagai pengurus dan pemudahcara akan terlaksana.

Selain itu, daripada hasil pemantauan yang dijalankan ke atas 15 buah di Daerah Serian pada awal Mac 2006, didapati bahawa 90 peratus (%) daripada guru-guru sekolah yang dipantau tidak mengguna *teaching courseware* dalam p & p mereka. Hasil dapatan ini benar-benar merisaukan saya kerana saya merupakan salah seorang daripada jurulatih PPSMI peringkat negeri Sarawak. Sepanjang pelaksanaan kursus PPSMI, semua jurulatih telah berkali-kali mengingatkan peserta kursus agar menggunakan *teaching courseware* dalam p & p mereka memandangkan mereka telah didedahkan dengan cara penggunaan dan pengintegrasian penggunaan *teaching courseware* dalam p & p. Bagi menjernihkan keadaan ini, saya mengorak langkah menjalankan kajian, bermula di sekolah tempat saya mengajar.

MEMULAKAN KAJIAN

Sebagai Penolong Kanan 1 di sekolah saya, saya akan membuat pemantauan bagi mata pelajaran kritikal seperti Sains dan Matematik setiap tiga kali dalam satu semester. Saya membuat pemantauan pada kelas Tahun Satu. Pemantauan yang pertama saya jalankan pada 4.4.2006 untuk mata pelajaran Matematik. Kelas yang saya pantau ketika itu diuruskan oleh Cikgu Mawi (bukan nama sebenar). Menyedari akan kehadiran saya, Cikgu Mawi cuba sedaya upaya untuk menggunakan *teaching courseware* dalam p & p nya. Saya menyelia kelas Cikgu Mawi selama 30 minit. Untuk sepuluh minit yang pertama, Cikgu Mawi agak menghadapi kesukaran. Peluh-peluh dingin kelihatan pada dahi Cikgu Mawi.

Saya mendapati Cikgu Mawi mengajar seperti apa yang telah dirancangkannya. Walaupun mengalami kesukaran, namun Cikgu Mawi tetap cuba mengajar menggunakan *teaching courseware*. Namun, hati saya tetap bergolak dengan persoalan ini. "*Mengapa harus ada kesukaran dalam penggunaan courseware sedangkan penggunaanya telah ditunjuk ajar?*" Apa yang lebih membimbangkan saya lagi ialah cara penggunaan *teaching courseware* itu sendiri tidak dirancang dengan berkesan. Catatan saya pada borang pemantauan saya pada 4.4.2006 adalah seperti yang tunjukkan pada Borang Pemantauan 4.4.2006.

[Sila tandakan. Untuk penilaian berikut, 5 adalah terbaik]

1	Kekerapan penggunaan bahasa Inggeris oleh guru semasa pengajaran. [1, Tidak pernah menggunakan BI – 5, Sentiasa menggunakan BI]	1 2 3 4 5
2	Kefasihan guru menggunakan bahasa Inggeris semasa pengajaran. [1, Tidak fasih menggunakan BI – 5, Sangat fasih menggunakan BI]	1 2 3 4 5
3	Kekerapan penggunaan bahasa Inggeris oleh murid semasa berinteraksi dengan guru dan murid lain. [1, Tidak pernah menggunakan BI – 5, Sentiasa menggunakan BI]	1 2 3 4 5
4	Kefasihan murid menggunakan bahasa Inggeris semasa berinteraksi dengan guru dan murid lain. [1, Tidak fasih menggunakan BI – 5, Sangat fasih menggunakan BI]	1 2 3 4 5
5	Adakah guru menggunakan Teaching Courseware (TC) dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p)?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.
6	Adakah guru dapat menggunakan TC pada masa yang sesuai dan secara berkesan?	<input checked="" type="checkbox"/> Tidak. <input type="checkbox"/> Ya.
7	Adakah aktiviti amali sains dijalankan bagi pelajaran yang memerlukan amali?	<input checked="" type="checkbox"/> Tidak. <input type="checkbox"/> Ya.
8	Adakah pendekatan guru menggalakkan murid berfikir?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.
9	Bagaimanakah penilaian pemantau tentang penglibatan murid dalam p&p? [1, Tiada penglibatan murid – 5, Sangat aktif]	1 2 3 4 5
10	Bagaimanakah penilaian pemantau tentang keseluruhan proses p&p? [1, Tidak berkesan – 5, Sangat berkesan]	1 2 3 4 5

11. Apakah kelemahan dalam p&p yang dikesani dalam pemantauan dan punca kelemahan tersebut:

Penggunaan tc tidak dirancang dengan baik. Guru
mengalami kesukaran untuk menggunakan tc dalam
aktiviti bersama murid.

12. Apakah kebaikan/keistimewaan dalam p&p yang dipantau, jika ada:

murid aktif apabila aktiviti berkumpul.

2

Borang Pemantauan 4.4.2006

Saya juga telah membuat catatan pada jurnal saya yang secara terperinci menggambarkan apa yang saya perhatikan daripada sesi p & p Cikgu Mawi dan catatan tersebut adalah seperti berikut.

Tarikh: 4/4/2006
 Hari: Juma'at
 Kelas: Tahun 1
 Masa: 7.45 – 8.45 pagi
 Mata pelajaran: Matematik
 Tajuk: Numbers to 100

Learning Objectives: *Understand and use ordinal numbers in different contexts.*


Learning outcomes: *Pupils will able to:*

(1) *say ordinal numbers from first to tenth*

(2) *use ordinal numbers in different contexts.*

Concept: **Ordinal numbers show the position of the objects.**

Daripada pencerapan itu, saya dapati murid aktif dan cuba menjawab soalan guru dengan kaedah cuba jaya. Murid gembira kerana guru menggunakan teaching couseware dalam pengajarannya pada hari itu. Cikgu Mawi memainkan peranan sebagai pemudah cara. Cikgu Mawi cuba menerangkan perkataan first, second, third, fourth, fifth, sixth, seventh, eighth, ninth and tenth kepada murid-murid. Cikgu Mawi menggunakan teaching couseware untuk memantapkan lagi tahap kefahaman murid-murid. Walaupun demikian, penggunaan teaching couseware yang mengambil keseluruhan proses p & p menimbulkan rasa bosan di kalangan murid-murid terutamanya murid-murid yang belum pandai membaca. Hanya 2 daripada 6 orang murid dapat mengenal perkataan first, second, third, fourth, fifth, sixth, seventh, eighth, ninth and tenth. Mereka masih tidak dapat membuat perkaitan antara nombor dan perkataan. Contohnya :



Catatan jurnal saya

Sebenarnya, Cikgu Mawi sudah mengajar selama 12 tahun. Beliau adalah seorang yang dedikasi dalam menjalankan tugasnya sebagai seorang guru. Beliau merupakan Ketua Panitia mata pelajaran Bahasa Melayu. Beliau telah menjalani kursus EteMS (*English in the teaching of Mathematics and Science*) pada tahun 2005 bertempat di Rajah Court, Kuching. Beliau merupakan salah seorang daripada peserta kursus di bawah bimbingan saya. Ini merupakan tahun pertama Cikgu Mawi mengajar mata pelajaran berkaitan dengan Pengajaran Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Walaupun pada mulanya beliau mengalami masalah bertutur menggunakan Bahasa Inggeris, beliau berusaha memberanikan diri untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Berkat kegigihan beliau untuk mempelajari Bahasa Inggeris daripada rakan sekerja beliau kini menyebabkan beliau sudah boleh berbahasa Inggeris dengan baik. Cikgu Mawi ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik Tahun Satu.

Saya menjalankan sesi temubual dengan Cikgu Mawi selepas pemantauan tersebut dan mendapati beliau lebih senang mengajar menggunakan alat bantu mengajar yang lain berbanding dengan *teaching couseware*. Cikgu Mawi juga berpendapat bahawa penggunaan *teaching couseware* ini membosankan murid-murid. Berikut ialah catatan sesi temubual saya dengan Cikgu Mawi selepas pemantauan dijalankan.

Tarikh: 4.4.2006

Masa: 1.30 petang

Tempat: Bilik Perpustakaan.

- Saya(S): *Adakah cikgu berpuas hati dengan pengajaran cikgu pada pagi ini?*
- Cikgu Mawi(CM): *Ya.*
- S: *Saya lihat cikgu rasa tidak selesa bila menggunakan teaching couseware. Kenapa?*
- CM: *Saya memang tak suka guna teaching couseware (TC) sebab lambat nak tunggu CD itu berfungsi kadang-kadang stuck pulak.*
- S: *Adakah cikgu sudah memainkan TC itu sebelum menggunakannya?*
- CM: *Tak, saya guna masa saya nak ajar sahaja.*
- S: *Saya lihat cikgu hanya mainkan TC hampir 30 minit. Adakah cikgu buat perancangan di fasa pengajaran mana yang sesuai untuk penggunaan TC?*
- CM: *Saya rasa semua fasa pun kena pakai TC.*
- S: *Tapi saya rasa kalau cikgu gunakan TC hanya pada satu atau dua fasa pengajaran, mungkin lebih baik dan berkesan. Adakah cikgu menghadapi masalah nak tentukan fasa mana yang harus gunakan TC sebagai alat bantu mengajar?*
- CM: *Memang saya was-was fasa mana sepatutnya nak guna TC.*
- S: *Baiklah, kalau macam tu nanti saya akan bantu cikgu. Apa pendapat cikgu dengan penggunaan TC dalam p & p?*
- CM: *Terus-terang saya katakan bahawa saya rasa tanpa penggunaan TC saya dapat mencapai objektif pengajaran dengan baik.*
- S: *Begitu, kalau saya katakan TC boleh menceriakan keadaan kelas cikgu, cikgu setuju tak?*
- CM: *Mungkin juga...*
- S: *Kenapa cikgu kata begitu?*
- CM: *Sebab bila saya gunakan TC, murid-murid saya hanya dapat menumpukan masa selama 10 minit sahaja. Lepas tu, mereka mula bercakap dengan rakan-rakan mereka.*
- S: *Itu sudah cukup bagus. Jadi, cikgu hanya gunakan TC tak lebih dari 10 minit sahaja! Tadi cikgu kata murid akan bercakap bila mereka sudah bosankan?*
- CM: *Ya...*
- S: *Boleh saya tahu kenapa?*
- CM: *Mereka hanya boleh melihat TC tu dalam masa 10 minit, lepas tu mereka akan bising.*
- S: *Ada tak cikgu bagi lembaran kerja pada murid semasa mereka melihat paparan TC?*
- CM: *Tak, saya nak mereka lihat TC tu saja.*
- S: *Saya rasa jika cikgu bagi lembaran kerja yang berkaitan dengan TC pada mereka, mungkin mereka akan lebih aktif sambil melihat paparan, cikgu setuju tak ?*
- CM: *Mungkin....*
- S: *Untuk mengetahui kebenarannya, kita akan sama-sama berbincang berkenaan penggunaan TC dan cupu aplikasikan dalam p & p yang telah cikgu buat pagi tadi, ok tak ?*
- CM: *Boleh juga.*

Setelah menganalisis temubual yang saya jalankan bersama Cikgu Mawi saya dapati, beliau mengalami masalah dalam penentuan fasa pengajarannya yang harus

menggunakan *teaching couseware*. Beliau juga kurang berminat dalam menggunakan *teaching couseware*.

Rentetan daripada pendapat Cikgu Mawi itu, saya merasakan yang saya patut membantu Cikgu Mawi untuk keluar daripada persepsi negatif tentang penggunaan *teaching couseware* dan ini telah kami bincang dalam temubual selepas pemantauan.

FOKUS KAJIAN SAYA

Kajian ini saya tumpukan pada cara bimbingan saya untuk membantu Cikgu Mawi dalam peningkatan amalannya dalam penggunaan *teaching couseware*.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran bimbingan saya dalam membantu Cikgu Mawi dari segi penggunaan *teaching couseware*.

Ia juga bertujuan untuk mendorong Cikgu Mawi lebih kerap menggunakan *teaching couseware* selain merancang dengan lebih berkesan penggunaannya.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut.

- (1) Apakah kemahiran bimbingan saya yang ditingkatkan dalam usaha membantu Cikgu Mawi dari segi penggunaan *teaching couseware*?
- (2) Adakah Cikgu Mawi kerap menggunakan *teaching couseware* dan bagaimanakah penggunaannya membantu perancangan pengajarannya?

PERANCANGAN

Teknik yang saya gunakan dalam kajian ini saya namakan 'Teknik Bimbingan'. 'Teknik Bimbingan' ini merangkumi dua peringkat iaitu Peringkat 1 dan Peringkat 2. **Peringkat 1** merupakan bimbingan penentuan fasa pengajaran yang memerlukan penggunaan *teaching couseware* manakala **Peringkat 2** berupa bimbingan pelaksanaan penggunaan *teaching couseware* dalam p & p.

PELAKSANAAN

Peringkat 1:


Dapatan awal saya melalui analisis temubual antara saya dan Cikgu Mawi, catatan borang pemantauan serta jurnal saya mendapati bahawa cikgu Mawi mengalami masalah dalam penentuan fasa pengajarannya untuk penggunaan *teaching couseware*. Justeru, saya telah berbincang dengan beliau di mana seharusnya beliau menggunakan *teaching couseware*. Saya memberikan beberapa cadangan

kepada beliau untuk menambah baik pengajarannya untuk topik yang sama. Saya menggunakan pembelajaran konstruktivisme lima fasa bagi tujuan ini.

Saya memilih untuk menggunakan pendekatan konstruktivisme ini kerana melalui teori ini, kita dapat melihat sejauh mana kefahaman murid terhadap apa yang telah dipelajarinya. Mengikut Dewey (1966), pembelajaran bermakna melibatkan "belajar dengan membuat" yang kemudiannya akan membantu pelajar berfikir dan membentuk kefahaman atau membuat interpretasi ke atas maklumat tersebut.


Cadangan yang diberi saya adalah seperti berikut.

- (1) Gunakan *teaching couseware* dalam set induksi.
- (2) Gunakan kad untuk **fasa pencetusan idea**. Pamerkan kad satu persatu di papan hitam dan minta murid menyebut dan mengeja perkataan pada kad. Carta 1 merupakan contoh aktiviti fasa pencetusan idea.




Carta 1: Aktiviti pencetusan idea

- (3) Gunakan kad langkah 1 untuk **penstrukturian idea**. Minta murid memadankan kad nombor dan kad perkataan. Mereka diminta untuk melekatkan padanan yang betul di papan hitam. Carta 2 menunjukkan aktiviti penstrukturian idea.



Carta 2: Aktiviti penstrukturan idea







- (4) Bagi langkah 2 dalam **fasa pencetusan idea**, murid diminta memadankan nombor dan perkataannya pada kad manila yang diberi kepada kumpulan kecil. Carta 3 berikut merupakan contoh untuk fasa pencetusan idea.



- (5) Pamerkan *teaching couseware* berkenaan dengan kedudukan *first, second, third, fourth.....*bagi langkan 3 dalam **fasa penstukturana idea**. Berikan mereka lembaran kerja yang berkaitan dengan paparan untuk dibuat ketika melihat paparan di skrin. Ini akan meningkatkan penglibatan murid-murid dalam p & p dan meningkatkan keberkesanan penggunaan *teaching couseware*. Minta wakil dari setiap kumpulan untuk menjawab dan mengisi jawapan mereka pada komputer riba.
- (6) Berikan latihan individu dalam **fasa aplikasi**. Minta murid menyatakan secara bertulis kedudukan kanak-kanak mengikut umur daripada 1 bulan hingga 7 tahun menggunakan perkataan *first, second, third, fourth, fifth, sixth* pada Latihan 1 (*Worksheet 1*).

Name : _____ Class : _____

Write the right position for this boy from 1 month to 7 years old. Use the words given in the box.

First second third fourth fifth sixth					
					
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>			
					
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>			

Worksheet 1


Latihan 1


- (7) Bagi **Latihan 2** (*Worksheet 2*), minta mereka menyusun kedudukan kanak-kanak itu mengikut umur 1 bulan hingga 7 tahun dengan betul.


Name : _____ Class : _____


Write the right position for this boy from 1 month to 7 years old. Use the words given in the box.


First	second	third	fourth	fifth	sixth
-------	--------	-------	--------	-------	-------















Worksheet 2













Latihan 2

- (8) Bagi **Latihan 3** (*Worksheet 3*), minta murid gunting dan tampal gambar itu mengikut urutan umur yang betul.

Name : _____ Class : _____

Cut and paste the right position for this boy from 1 month to 7 years old.



Worksheet 3

Latihan 3

- (9) Untuk **fasa penutup**, cikgu boleh membimbing murid untuk merumuskan pengajaran hari itu.

Peringkat 2

Setelah membuat perancangan tentang penggunaan *teaching couseware*, saya cuba membimbing Cikgu Mawi dalam pelaksanaan penggunaan *teaching couseware* tersebut. Saya menggunakan pengajaran secara berpasangan. Pelaksanaan pengajaran berpasangan ini saya adakan pada 18.4.2006. Fasa pengajaran yang menggunakan *teaching couseware* saya kendalikan dan ketika itu saya minta Cikgu Mawi membuat penilaian secara sendiri dan hasilnya adalah seperti yang ditunjukkan pada Borang Pemantauan 18.4.2006.

[Sila tandakan. Untuk penilaian berikut, 5 adalah terbaik]

1	Kekerapan penggunaan bahasa Inggeris oleh guru semasa pengajaran. [1, Tidak pernah menggunakan BI – 5, Sentiasa menggunakan BI]	1	2	3	4	5
2	Kefasihan guru menggunakan bahasa Inggeris semasa pengajaran. [1, Tidak fasih menggunakan BI – 5, Sangat fasih menggunakan BI]	1	2	3	4	5
3	Kekerapan penggunaan bahasa Inggeris oleh murid semasa berinteraksi dengan guru dan murid lain. [1, Tidak pernah menggunakan BI – 5, Sentiasa menggunakan BI]	1	2	3	4	5
4	Kefasihan murid menggunakan bahasa Inggeris semasa berinteraksi dengan guru dan murid lain. [1, Tidak fasih menggunakan BI – 5, Sangat fasih menggunakan BI]	1	2	3	4	5
5	Adakah guru menggunakan Teaching Courseware (TC) dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p)?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.				
6	Adakah guru dapat menggunakan TC pada masa yang sesuai dan secara berkesan?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.				
7	Adakah aktiviti amali sains dijalankan bagi pelajaran yang memerlukan amali?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input type="checkbox"/> Ya.				
8	Adakah pendekatan guru menggalakkan murid berfikir?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.				
9	Bagaimanakah penilaian pemantau tentang penglibatan murid dalam p&p? [1, Tiada penglibatan murid – 5, Sangat aktif]	1	2	3	4	5
10	Bagaimanakah penilaian pemantau tentang keseluruhan proses p&p? [1, Tidak berkesan – 5, Sangat berkesan]	1	2	3	4	5

11. Apakah kelemahan dalam p&p yang dikesani dalam pemantauan dan punca kelemahan tersebut:

perancangan penggunaan tc telah dibuat dengan baik tetapi pergerakan guru masih kaku kerana terlalu bergantung pada tc.

12. Apakah kebaikan/keistimewaan dalam p&p yang dipantau, jika ada:

objektif p&p tercapai.

Borang Pemantauan 18.4.2006

Setelah melaksanakan pengajaran yang telah dirancang, saya menemui Cikgu Mawi untuk kali kedua. Hasil dapatan saya kali ini amat memberangsangkan. Sesi temubual tersebut adalah seperti berikut.

Tarikh: 18.4.2006
Masa: 1.30 petang
Tempat: Bilik Perpustakaan

S: *Jadi apa yang dapat cikgu perhatikan pada reaksi murid tadi?*
CM: *Mereka seronok dan tak rasa boring malah mereka dapat jawab semua jawapan yang cikgu bagi.*
S: *Cikgu tahu kenapa ?*
CM: *Sebab jawapan tu ada dalam TC.*
S: *Ya. Sebab itulah mereka kena tumpukan perhatian pada paparan yang dipaparkan.*

- CM: *Sekarang saya rasa saya faham maksud cikgu. Memang TC dapat membantu kita dengan lebih mudah lagi.*
- S: *Adakah sekarang cikgu nak guna TC sebagai salah satu alat bantu mengajar dalam kelas cikgu?*
- CM: *Tentu sekali! Terima kasih kerana menyedarkan saya tentang keindahan TC ini.*
- S: *Itu memang kewajipan saya.*

Cikgu Mawi sudah mempunyai semangat untuk menggunakan *teaching couseware* dalam pengajarannya. Beliau mahu saya membuat penilaian pengajarannya pada 5.5.2006 untuk mata pelajaran Sains. Saya meminta beliau menyediakan deraf untuk penggunaan *teaching couseware* dalam fasa pengajarannya. Berikut adalah deraf yang dibuat oleh Cikgu Mawi bagi perancangan penggunaan *teaching couseware* dalam pengajaran Sains Tahun 1.

Theme: Plant
Learning Objectives: The name of different parts of plants
Learning outcomes: Identify different parts of plants.

1. Gunakan *teaching couseware* dalam **set induksi**.
2. Minta murid keluar ke Taman Sains untuk mengambil sampel tumbuhan dan melekatkan serta melabelkan bahagian fizikal tumbuhan dalam buku latihan mereka bagi **fasa pencetusan idea**.
3. Untuk Langkah 1 dalam **fasa penstukturan idea**, murid diminta bekerja dalam kumpulan kecil untuk mencantumkan keratan gambar tumbuhan dan melabelkan bahagian fizikal tumbuhan tersebut di atas manila kad.
4. Semua kumpulan akan menampalkan hasil kerja mereka dalam stesen yang disediakan oleh guru pada Langkah 2.
5. Bagi Langkah 3, setiap kumpulan akan melawat ke stesen-stesen mengikut arahan guru. Ketika lawatan dibuat, mereka dikehendaki membetulkan kesalahan yang dapat dikenal pasti.
6. Lembaran kerja diberikan pada **fasa aplikasi**. Murid-murid diberi masa selama 10 minit untuk melengkapkan tugas yang diberi. Kemudian, guru akan memaparkan jawapan bagi tugas itu dengan bantuan *teaching couseware*.
7. Bagi **fasa penutup**, guru membantu murid membuat rumusan tentang pelajaran hari itu.

Deraf fasa pengajaran Cikgu Mawi untuk 5.5.2006

HASIL TUIANNYA.....

Seperti yang dirancangkan, saya telah membuat pemantauan ke atas pengajaran Cikgu Mawi. Catatan pada Borang Pemantauan 5.5.2006 merupakan hasil pemantauan yang saya buat ke atas Cikgu Mawi pada hari tersebut.

[Sila tandakan. Untuk penilaian berikut, 5 adalah terbaik]

1	Kekerapan penggunaan bahasa Inggeris oleh guru semasa pengajaran. [1, Tidak pernah menggunakan BI - 5, Sentiasa menggunakan BI]	1	2	3	4	5
2	Kefasihan guru menggunakan bahasa Inggeris semasa pengajaran. [1, Tidak fasih menggunakan BI - 5, Sangat fasih menggunakan BI]	1	2	3	4	5
3	Kekerapan penggunaan bahasa Inggeris oleh murid semasa berinteraksi dengan guru dan murid lain. [1, Tidak pernah menggunakan BI - 5, Sentiasa menggunakan BI]	1	2	3	4	5
4	Kefasihan murid menggunakan bahasa Inggeris semasa berinteraksi dengan guru dan murid lain. [1, Tidak fasih menggunakan BI - 5, Sangat fasih menggunakan BI]	1	2	3	4	5
5	Adakah guru menggunakan Teaching Courseware (TC) dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p)?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.				
6	Adakah guru dapat menggunakan TC pada masa yang sesuai dan secara berkesan?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.				
7	Adakah aktiviti amali sains dijalankan bagi petajaran yang memerlukan amali?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.				
8	Adakah pendekatan guru menggatalakan murid berfikir?	<input type="checkbox"/> Tidak. <input checked="" type="checkbox"/> Ya.				
9	Bagaimanakah penilaian pemantau tentang penglibatan murid dalam p&p? [1, Tiada penglibatan murid - 5, Sangat aktif]	1	2	3	4	5
10	Bagaimanakah penilaian pemantau tentang keseluruhan proses p&p? [1, Tidak berkesan - 5, Sangat berkesan]	1	2	3	4	5

11. Apakah kelemahan dalam p&p yang dikesani dalam pemantauan dan punca kelemahan tersebut:

12. Apakah kebaikan/keistimewaan dalam p&p yang dipantau, jika ada:

objektif p&p tercapai. Murid - murid aktif dan beronak.

semua murid dapat menjawab semua soalan yang diberi dalam lembaran kerja.

Borang Pemantauan 5.5.2006

Apa yang saya dapati adalah satu yang amat membanggakan diri saya. Cikgu Mawi kelihatan tenang dan berkeyakinan dalam pengajarannya kali ini. Pengajaran beliau selama 1 jam langsung tidak terasa. Penggunaan *teaching couseware* dalam p & p beliau amat berkesan kerana perancangan penggunaan *teaching couseware* yang dibuat oleh beliau amat baik. Kali ini saya tidak melihat kebimbangan di riak wajah Cikgu Mawi tetapi hanya kelihatan titisan peluh-peluh di dahi Cikgu Mawi kerana beliau terpaksa bergegas ke sana-sini bersama murid-muridnya. Bukan sahaja murid-muridnya yang aktif malahan jenaka yang dibuat oleh Cikgu Mawi sekali-sekala meriuhkan suasana kelas. Saya yakin dengan melihat perubahan yang berlaku pada Cikgu Mawi, beliau sudah serasi dengan penggunaan *teaching couseware* sebagai salah satu alat bantu mengajar yang dapat membantu beliau dalam usaha beliau mencapai objektif p & p nya. Namun, apa yang lebih penting ialah kesudian Cikgu Mawi mengguna pakai *teaching couseware* dalam pengajarannya mungkin boleh membuka mata guru-guru lain untuk menjadikannya sebagai salah satu daripada alat bantu mengajar mereka agar suasana kelas lebih ceria.

REFLEKSI

Kajian tindakan yang saya lakukan kali ini benar-benar merupakan satu cabaran besar bagi saya. Walaupun saya hanya mahu menambah baik amalan saya dari segi bimbingan yang saya berikan selaku seorang Jurulatih Utama tetapi saya rasakan ianya satu tugas yang sungguh berat. Semasa melakukan pemantauan ke

atas pengajaran Cikgu Mawi, buat pertama kalinya saya berperang dengan perasaan sendiri. Perasaan malu, takut dan rendah diri menyelubungi diri saya apabila saya kenangkan betapa *seniomya* Cikgu Mawi berbanding diri saya. Perasaan itu semakin tebal setelah sesi temubual dijalankan.

Pendirian Cikgu Mawi yang pada awalnya berpendapat bahawa penggunaan *teaching couseware* ini hanya membebaskan dan mengambil hampir 10 minit masa pengajarannya membuatkan saya merasakan diri saya menambahkan lagi beban yang ditanggung oleh Cikgu Mawi. Pendapat Cikgu Mawi yang menyatakan beliau lebih berjaya mencapai objektif pengajarannya tanpa menggunakan *teaching couseware* menjadikan saya begitu 'kecil' berbanding Cikgu Mawi. Namun, pada masa yang sama, sikap Cikgu Mawi yang mahu belajar dan sudi menerima teguran dan cadangan saya membuatkan saya bertambah yakin bahawa saya dapat menjadikan ***teaching couseware*** sebagai salah satu daripada ramuan resepi kejayaan p & p Cikgu Mawi dalam kelas beliau.

Berkali-kali saya mengingatkan diri saya pada objektif kajian ini agar saya tidak lari dari landasan yang sepatutnya. Memang kerap kali berlaku di mana Cikgu Mawi cuba mempengaruhi saya bahawa tanpa penggunaan *teaching couseware* juga kita mampu mencapai objektif pengajaran kita dan membuat murid-murid kita aktif dan inovatif. Namun, berkali-kali itu juga saya terpaksa meyakinkan Cikgu Mawi tentang keistimewaan penggunaan *teaching couseware* dalam p & p. Setelah hampir sebulan saya membimbing Cikgu Mawi, akhirnya beliau sudah 'jatuh cinta' dengan *teaching couseware*. Kini, hampir setiap waktu pengajarannya bersama murid Tahun 1, beliau akan menggunakan *teaching couseware* sebagai salah satu alat bantu mengajarnya. Setiap kali melintasi kelas Tahun 1 yang di bawah jagaan Cikgu Mawi, saya akan tersenyum kerana guru 'muda' ini sudah tidak mempunyai bebanan dalam menggunakan *teaching couseware* dalam pengajarannya.

BIBLIOGRAFI

- Akbar Ibrahim. (2004). *Penyelidikan kualitatif: Satu pengenalan ringkas*. Kuching, Sarawak: PROFES.
- Arhar, J.M., Holly, M.L. & Kasten, W.C. (2001). *Action research for teachers: Traveling the yellow brick road*. Upper Saddle, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan kursus penyelidikan tindakan untuk Maktab/ Institut Perguruan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Charles Chew. (2003). *Let's Learn Science! Teacher's Guide Part 1 Year 1*. Selangor.
- Chuah Kim Hwa. (2006). *Data dalam penyelidikan tindakan dan teknik pengumpulan data kualitatif penyelidikan tindakan*. Bahan Kursus/Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat "Intermediate" Fasa 1 Tahun 2006 di bawah Kursus Pendek Kelolaan Institut, Institut Perguruan Batu Lintang, 28-29 Mac 2006 di MP Batu Lintang, Kuching, Sarawak.

- Chuah Kim Hwa. (2006). *Analisis data kualitatif dalam penyelidikan tindakan*. Bahan Kursus/Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat "Intermediate" Fasa 2 Tahun 2006 di bawah Kursus Pendek Kelolaan Institut, Institut Perguruan Batu Lintang, 22-23 Jun 2006 di PKG Serian, Sarawak.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. (1999). *Designing qualitative research*. (3rd ed.) Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Mary Wong Siew Lian. (2006). *Writing a research paper*. Bahan Kursus/Bengkel Penyelidikan Tindakan Peringkat "Intermediate" Fasa 2 Tahun 2006 di bawah Kursus Pendek Kelolaan Institut, Institut Perguruan Batu Lintang, 22-23 Jun 2006 di PKG Serian, Sarawak.
- Navajothi Murugayah & Roszitha Binti Mohd Shariff. (2003). *Science Textbook Year 1*. Kuala Lumpur.
- PALM. (1988-1990). *Supporting teacher development through action research: A PALM resource for advisory teacher*. Norwich: University of East Anglia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran Secara Konstruktivisme*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003a). *Curriculum Specification Mathematics Year 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003b). *Curriculum Specification Science Year 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Toh Wah Seng. (2005). Penyelidikan tindakan: Perkembangan profesionalisme ke arah pengamalan reflektif dan penambahbaikan sekolah. Dalam *Prosiding Penyelidikan Tindakan tahun 2005, 3-4 Oktober 2005*, ms. 1-7. Kuching, Sarawak: Maktab Perguruan Batu Lintang
- Wan Yusof B. Wan Ngah, Fezarudin B. Mahamudin & Mohd Marzuki B. Maulud. (2002a). *Mathematics Year 1 Teacher's Guide Part 2*. Kuala Lumpur.
- Wan Yusof B. Wan Ngah, Fezarudin B. Mahamudin & Mohd Marzuki B. Maulud. (2002b). *Mathematics Year 1 Textbook Part 2*. Kuala Lumpur.
- Zuraidah Jaffar. (2003). *Mathematics Year 1 Teacher 's Guide*. Selangor.